

TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR UTeM

**MAJLIS PERASMIAN MAKMAL SATELIT PROJEK ‘COORDINATED MALWARE
ERADICATION AND REMEDIATION’**

02 Ogos 2017, 9.30 pagi

**DEWAN SEMINAR & MAKMAL SATELIT,
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (UTeM)**

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

YB Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah

Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi

Yang Berbahagia Dato' Dr. Amirudin Abdul Wahab

Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia

Pegawai-pegawai Kanan UTeM dan CyberSecurity Malaysia

Dif-dif Jemputan, Wakil-wakil media Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia, Salam 1UTeM

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 755 Tahun, Melaka Maju Fasa II, Berkat, Tepat, Cepat

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNYA, kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini bersempena **Majlis Perasmian Makmal Satelit “Coordinated Malware Eradication and Remediation Project”** atau ringkasnya **CMERP**.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran Timbalan Menteri MOSTI ke majlis pada pagi ini. Terima kasih Y.B. Datuk Wira kerana sudi meluangkan masa hadir ke majlis ini.
3. Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak CyberSecurity Malaysia (CSM) kerana memberi kepercayaan kepada UTeM melalui kumpulan penyelidik INFORMATION SECURITY, DIGITAL FORENSIC and COMPUTER NETWORKING (INSFORNET) untuk melaksanakan penyelidikan dalam bidang keselamatan siber di Malaysia, terutama penyelidikan di dalam bidang perisian perosak malware amnya dan dalam penyelidikan Coordinated Malware Eradication and Remediation Project khasnya.

4. Tahniah saya ucapkan kepada kumpulan penyelidikan INSFORNET di atas kejayaan melaksanakan amanah yang diberi oleh pihak CSM dengan membangunkan MAKMAL SATELIT CMERP di UTeM.

YB Datuk Wira, Hadirin dan Hadirat sekalian,

5. Perkembangan pesat ICT dan teknologi Internet telah banyak menyumbang kepada transformasi masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan, pekerjaan, komunikasi dan perhubungan. Sebagai contoh, dalam aspek komunikasi, perbincangan atas talian secara maya telah digunakan secara meluas dan berkesan walaupun kedua-dua pihak berada di dua lokasi yang melangkaui benua yang berbeza. Kaedah pembayaran bil yang mudah dan selamat berupaya dilaksanakan pada bila-bila masa tanpa mengira lokasi. Melalui pendekatan teknologi internet sedia ada, pemantauan kawasan

kediaman boleh dibuat secara terus walaupun berada pada lokasi yang berbeza.

6. Hakikatnya, masyarakat masa kini banyak bergantung kepada teknologi ICT dan Internet. Namun, tanpa disedari, senario ini menyebabkan masyarakat lebih terdedah kepada ancaman siber. Kesan serangan siber tidak hanya terjadi kepada dunia perniagaan dan pentadbiran kerajaan sahaja malah turut memberi kesan kepada individu khususnya yang melibatkan keterbukaan data peribadi dan maklumat kad kredit. Antara serangan siber yang biasa berlaku adalah Distributed Denial-of-Service (DDoS) Attacks, “Man in the Middle” (MITM), Phishing, dan Malware seperti Ransomware, Botnet dan Worm.

YB Datuk Wira, Hadirin dan Hadirat Sekalian,

7. Dalam menghadapi cabaran jenayah siber ini, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sebagai universiti teknikal dengan penawaran program ICT di antara yang terhebat di negara ini, mengambil inisiatif tersendiri dengan membentuk dan membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam pemantauan keselamatan siber.
8. Dalam menyokong hasrat ini, pada tahun 2013, UTeM telah menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) dan Sarjana Sains Komputer (Sains Keselamatan) di bawah Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK). Langkah ini adalah untuk menghasilkan graduan dalam bidang keselamatan komputer yang dapat meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir di dalam bidang teknologi khususnya keselamatan siber yang amat diperlukan oleh Negara kita. Insya Allah, kumpulan

pertama pelajar program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) ini bakal bergraduasi pada Majlis Konvokesyen hujung tahun ini.

9. Pihak universiti juga percaya isu-isu keselamatan siber memerlukan kemampuan dan kemahiran yang tinggi menerusi penyelidikan dan pembangunan yang berterusan bagi memastikan penerimaan maklumat terkini mengenai ancaman siber di samping dapat mengenal pasti dan menambahbaik kelemahan sistem ICT semasa. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan serangan siber dan berupaya meminimalkan impak serangan siber kepada masyarakat.
10. Kepentingan R&D dalam merealisasikan impian Malaysia ke arah Transformasi Nasional 2050 memerlukan kerjasama dan komitmen dari pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan, industri, ahli akademik dan penyelidik bagi membolehkan penyebaran dan penyaluran hasil-hasil penyelidikan yang inovatif dapat direalisasikan ke bidang-bidang yang relevan dengan kepentingan negara.

YB Datuk Wira, Hadirin dan Hadirat Sekalian,

11. Menyedari hakikat ini, UTeM telah mengambil langkah strategik dengan menjalinkan kerjasama dengan pihak Cybersecurity Malaysia bermula dari 2007. Kerjasama awal ini melibatkan perkongsian data bagi tujuan penyelidikan keselamatan rangkaian oleh sekumpulan pelajar PhD di FTMK, seterusnya diperkukuhkan lagi melalui kumpulan penyelidikan INFORMATION SECURITY, DIGITAL FORENSIC and COMPUTER NETWORKING (INSFORNET) pada tahun 2011 dalam bidang Keselamatan Siber dan Teknologi Rangkaian Komputer.
12. Melalui MoU yang telah ditandatangani dan dipersetujui secara bersama, pelbagai aktiviti dan projek telah dilaksanakan dengan jayanya, antaranya:

- a. Penganjuran seminar serta persidangan, penyelidikan, pembangunan program dan silibus akademik yang memberi fokus dalam aspek keselamatan siber.
- b. Sumbangan peralatan penyidik dari CSM kepada penyidik INSFORNET iaitu Malware Collection Point (MCP) dan Web Crawler.
- c. Peningkatan kualiti kerjaya Pegawai Cybersecurity Malaysia, dengan melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan PhD di UTeM.
- d. Penglibatan dari kalangan ahli akademik UTeM dalam pembangunan program Profesional dalam bidang Keselamatan Siber di bawah OIC-Cert.
- e. Dan, terkini adalah pembangunan makmal satelit di bawah DSTIN Flagship “Coordinated Malware Eradication and Remediation Project” atau CMERP. Makmal yang dibangunkan menerusi Geran Industri dari pihak

CyberSecurity Malaysia ini merupakan hasil perkongsian strategik antara tiga pihak, di mana kerajaan melalui MOSTI telah memberi dana bersama untuk penyelarasan penyelidikan akademik yang lebih baik selaras dengan keperluan industri, CyberSecurity Malaysia dan UTeM.

13. Penubuhan makmal satelit CMERP ini bertujuan untuk mengumpul data serangan siber terutama sekali melibatkan aktiviti dan penyebaran malware. Pengumpulan data ini membolehkan pihak penyelidik menganalisa sifat-sifat dan jejak-jejak malware supaya pengawasan, pengawalan dan penyingkiran malware dapat dilaksanakan dengan efektif.
14. Penubuhan makmal ini juga secara langsung berupaya melonjakkan fungsi Pusat Kecemerlangan UTeM di dalam bidang keselamatan siber di Malaysia khususnya di Negeri Melaka.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

15. Dengan penubuhan makmal satelit ini, saya berharap hubungan kerjasama dua hala di antara kedua-dua agensi ini terus dieratkan lagi bagi meningkat dan memantapkan lagi penyelidikan dan pembangunan yang menjurus kepada keselamatan siber di Malaysia.
16. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Pejabat CIO UTeM, dan Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) kerana memberikan kerjasama yang baik dengan membenarkan penyelidik CMERP menggunakan rangkaian kampus untuk projek ini.
17. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada MOSTI, CyberSecurity Malaysia, penyelidik INSFORNET FTMK, warga UTeM, serta semua yang terlibat dalam memberikan sokongan sehingga penubuhan makmal satelit CMERP dapat direalisasikan dengan jayanya.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualikum
warahmatullahiwabaraktuh.